# PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

## Ekonomi Malaysia berkembang 4.7% pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7% pada suku ketiga 2015 (S2 2015: 4.9%). Perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan (4.4%; S2 2015: 5.7%), dan menyumbang kepada pertumbuhan permintaan dalam negeri. Di samping itu, pertumbuhan juga disokong oleh peningkatan perbelanjaan sektor awam (2.8%; S2 2105: 0.9%) dan pemulihan eksport bersih, yang mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga (3.3%; S2 2015: -10.5%). Pada asas tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang sebanyak 0.7% (S2 2015: 1.1%).

## Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri berkembang 4.0% pada suku ketiga 2015 (S2 2015: 4.6%). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta, yang berkembang 4.4% (S2 2015: 5.7%), berikutan pertumbuhan berterusan dalam aktiviti pelaburan dan penggunaan. **Pelaburan swasta** berkembang 5.5% (S2 2015: 3.9%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berterusan. **Penggunaan swasta** berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.1%(S2 2015: 6.4%), apabila isi rumah terus membuat pelarasan terhadap pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST). Walau bagaimanapun, pertumbuhan upah dan keadaan pasaran pekerja yang stabil terus menyokong perbelanjaan pengguna secara keseluruhan.

Perbelanjaan sektor awam mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 2.8% pada suku ketiga (S2 2015: 0.9%). **Pelaburan awam** kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.8% (S2 2015: -8.0%), disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan harta tetap oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam pada suku ketiga. **Penggunaan awam** mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 3.5% (S2 2015: 6.8%), mencerminkan pertumbuhan perbelanjaan emolumen dan bekalan serta perkhidmatan yang lebih perlahan.

**Pertumbuhan Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK)** berkembang 4.2% (S2 2015: 0.5%), disorong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta. Mengikut jenis aset, PMTK disokong terutamanya oleh peningkatan dalam pertumbuhan pelaburan struktur (7.0%; S2 2015: 5.9%) dan pelaburan bagi jentera dan kelengkapan (1.2%; S2 2015: -7.5%).

**KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan**
(pada harga malar tahun 2010)

| | Bahagian 2014 (%) | 2014 | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | | Perubahan Tahunan (%) | | | | |
| Permintaan Dalam Negeri | | | | | | |
| Agregat (tidak termasuk stok) | 91.5 | 5.0 | 5.7 | 7.9 | 4.6 | 4.0 |
| Sektor Swasta | 68.5 | 6.8 | 8.3 | 9.6 | 5.7 | 4.4 |
| *Penggunaan* | *51.8* | *6.8* | *7.6* | *8.8* | *6.4* | *4.1* |
| *Pelaburan* | *16.6* | *7.0* | *11.1* | *11.7* | *3.9* | *5.5* |
| Sektor Awam | 23.0 | -0.9 | 0.6 | 2.5 | 0.9 | 2.8 |
| *Penggunaan* | *13.6* | *5.2* | *2.5* | *4.1* | *6.8* | *3.5* |
| *Pelaburan* | *9.5* | *-8.5* | *-1.9* | *0.5* | *-8.0* | *1.8* |
| Eksport Bersih | 9.3 | 7.4 | -4.0 | -10.2 | -10.5 | 3.3 |
| *Eksport Barangan dan Perkhidmatan* | *76.1* | *2.6* | *1.9* | *-0.6* | *-3.7* | *3.2* |
| *Import Barangan dan Perkhidmatan* | *66.8* | *2.0* | *2.6* | *1.0* | *-2.8* | *3.2* |
| **KDNK** | **100.0** | **5.6** | **5.7** | **5.6** | **4.9** | **4.7** |
| **KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)** | **-** | **0.8** | **1.8** | **1.2** | **1.1** | **0.7** |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**PMTK Mengikut Jenis Aset**




*Aset lain termasuk eksplorasi mineral, penyelidikan & pembangunan, dan lain-lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Pertumbuhan dalam semua sektor ekonomi

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi terus berkembang pada suku ketiga. Pertumbuhan diterajui oleh sektor pembinaan dan perlombongan. Pertumbuhan sektor pembinaan yang lebih baik disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang lebih cepat dalam subsektor kejuruteraan awam dan aktiviti pembinaan yang khusus. Sektor perkilangan, yang turut mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong terutamanya oleh peningkatan industri berorientasikan eksport. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang lebih rendah disebabkan perbelanjaan isi rumah yang sederhana dan aktiviti pasaran modal yang lebih perlahan. Sektor perlombongan dan pertanian berkembang pada kadar yang lebih perlahan disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan minyak sawit yang sederhana.

**Sektor perkhidmatan** mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 4.4% pada suku ketiga (S2 2015: 5.0%). Subsektor perdagangan borong dan runcit berkembang 5.7% (S2 2015: 5.9%), disokong oleh segmen borong. Segmen runcit, bagaimanapun, mencatat pertumbuhan lebih rendah berikutan perbelanjaan isi rumah yang sederhana. Subsektor kewangan dan insurans menguncup sebanyak 3.1% (S2 2015: + 0.2%), terjejas oleh penurunan dalam pendapatan berasaskan fi disebabkan terutamanya oleh aktiviti pasaran modal yang lebih perlahan pada suku itu. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan berkembang 5.6% (S2 2015: 5.4%), disokong terutamanya oleh aktiviti di pelabuhan dan lapangan terbang. Dalam subsektor maklumat dan komunikasi, pertumbuhan terus kukuh (9.5%; S2 2015: 9.3%), disokong oleh permintaan yang kekal tinggi terhadap perkhidmatan komunikasi data.

**Sektor perkilangan** mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 4.8% (S2 2015: 4.2%) pada suku ketiga, didorong oleh peningkatan dalam industri berorientasikan eksport, terutamanya dalam kelompok elektronik dan elektrik (E&E). Prestasi kelompok E&E yang lebih kukuh disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap barangan elektrik berasaskan pengguna serta pemulihan

**KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)**

| | Bahagian 2014 (%) | 2014 | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Perkhidmatan | 53.5 | 6.5 | 6.6 | 6.4 | 5.0 | 4.4 |
| Perkilangan | 23.0 | 5.3 | 5.4 | 5.6 | 4.2 | 4.8 |
| Pertanian | 9.2 | 3.4 | -3.7 | -4.7 | 4.6 | 2.4 |
| Perlombongan | 9.0 | 1.4 | 9.5 | 9.6 | 6.0 | 5.3 |
| Pembinaan | 4.3 | 9.7 | 8.8 | 9.7 | 5.6 | 9.9 |
| **KDNK Benar** | **100.0[1]** | **5.6** | **5.7** | **5.6** | **4.9** | **4.7** |
| **KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)** | **-** | **0.8** | **1.8** | **1.2** | **1.1** | **0.7** |

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2010)**

| | Bahagian 2014 (%) | 2014 | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| **Perkhidmatan Pengantara** | **38.4** | **6.1** | **6.1** | **5.7** | **4.8** | **3.7** |
| Kewangan & insurans | 13.7 | 3.2 | 2.4 | 1.9 | 0.2 | -3.1 |
| Harta tanah & perkhidmatan perniagaan | 7.9 | 7.8 | 8.3 | 7.6 | 6.2 | 6.5 |
| Pengangkutan & penyimpanan | 6.5 | 5.2 | 6.0 | 5.7 | 5.4 | 5.6 |
| Maklumat & komunikasi | 10.2 | 9.5 | 9.7 | 9.6 | 9.3 | 9.5 |
| **Perkhidmatan Akhir** | **61.6** | **6.7** | **6.9** | **6.8** | **5.1** | **4.8** |
| Perdagangan borong & runcit | 26.9 | 8.4 | 9.4 | 9.8 | 5.9 | 5.7 |
| Makanan & minuman dan penginapan | 5.1 | 6.1 | 7.5 | 7.3 | 6.6 | 5.8 |
| Utiliti | 4.8 | 5.0 | 3.9 | 3.7 | 3.9 | 3.1 |
| Perkhidmatan Kerajaan | 16.5 | 5.8 | 4.7 | 3.9 | 4.1 | 3.2 |
| Perkhidmatan lain | 8.2 | 4.7 | 4.7 | 4.6 | 4.7 | 4.8 |
| **Jumlah Perkhidmatan** | **100.0[1]** | **6.5** | **6.6** | **6.4** | **5.0** | **4.4** |

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

| | 2014 | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | Indeks | | | | |
| Indeks Sentimen Pengguna MIER | 98.0 | 83.0 | 72.6 | 71.7 | 70.2 |
| Indeks Perdagangan Runcit MIER | 130.0 | 92.9 | 85.4 | 76.8 | 93.3 |
| Indeks Pasaran Pelancongan MIER | 115.2 | 107.6 | 100.7 | 84.7 | 116.5 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Ketibaan pelancong | 8.6 | -1.9 | -8.6 | -10.3 | -2.3[1] |
| Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang | -2.0 | -0.2 | -0.8 | 1.6 | 6.1 |
| Jumlah kredit penggunaan terkumpul | 2.9 | 2.7 | 3.5 | 2.7 | 2.7 |
| Jumlah pinjaman terkumpul | 9.0 | 9.3 | 9.2 | 9.1 | 9.7 |
| Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran | 7.3 | 7.5 | 9.3 | 8.2 | 10.3 |
| Import barangan penggunaan | -1.0 | 3.0 | 4.4 | 25.4 | 27.2 |
| Jumlah jualan kenderaan bermotor | -8.8 | 3.8 | 5.3 | -11.2 | 2.6 |
| Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP) | 9.2 | 12.8 | 12.9 | 6.0 | 7.7 |

[1] Julai-Ogos 2015

Sumber: Pelbagai sumber

## Prestasi Sektor Perkilangan

| | 2014 | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | Perubahan Tahunan (%) | | | | |
| **Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)** | **5.3** | **5.4** | **5.6** | **4.2** | **4.8** |
| Industri berorientasikan eksport | 4.5 | 6.8 | 7.0 | 4.0 | 5.8 |
| Industri berorientasikan pasaran dalam negeri | 6.7 | 3.1 | 2.8 | 4.5 | 3.2 |
| **Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]** | **5.1** | **5.0** | **5.7** | **4.1** | **4.7** |
| **Industri berorientasikan eksport** | **4.3** | **5.2** | **5.1** | **4.3** | **5.2** |
| **Kelompok elektronik dan keluaran elektrik** | **9.8** | **9.7** | **10.7** | **4.7** | **10.6** |
| *Antaranya:* | | | | | |
| Elektronik | 3.9 | 6.0 | -0.2 | -6.1 | 3.5 |
| Keluaran elektrik | 24.5 | 14.4 | 40.5 | 37.7 | 27.7 |
| **Kelompok keluaran berkaitan sumber** | **1.6** | **2.9** | **2.2** | **4.0** | **2.3** |
| *Antaranya:* | | | | | |
| Kimia dan keluaran kimia | 7.4 | 7.9 | 9.9 | 5.5 | 1.6 |
| Keluaran petroleum | -5.4 | 1.8 | 2.1 | 0.9 | 2.1 |
| Keluaran getah | -4.0 | -0.8 | -1.3 | 7.6 | 6.9 |
| Pemprosesan di luar estet | 4.6 | -5.5 | -20.2 | 7.3 | -0.9 |
| **Industri berorientasikan pasaran dalam negeri** | **7.7** | **4.4** | **7.6** | **3.5** | **3.0** |
| **Kelompok berkaitan pembinaan** | **5.7** | **3.6** | **6.9** | **2.8** | **3.9** |
| *Antaranya:* | | | | | |
| Keluaran berkaitan pembinaan | 7.0 | 5.3 | 8.1 | 2.9 | 3.7 |
| Keluaran logam yang direka | 3.2 | 0.6 | 4.7 | 2.8 | 4.2 |
| **Kelompok keluaran berkaitan pengguna** | **9.8** | **5.1** | **8.3** | **4.1** | **2.1** |
| *Antaranya:* | | | | | |
| Kelengkapan pengangkutan | 11.4 | 1.1 | 9.2 | 6.0 | 2.2 |
| Makanan, minuman & keluaran tembakau | 7.9 | 10.5 | 7.5 | 1.7 | 2.5 |

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dalam segmen elektronik. Pertumbuhan dalam industri berorientasikan dalam negeri disokong terutamanya oleh kelompok berkaitan pembinaan dalam keadaan pengeluaran makanan dan kelengkapan pengangkutan yang sederhana.

### Kadar Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan*




* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan menurun kepada 77% pada suku ketiga (S2 2015: 78%) disebabkan oleh penggunaan kapasiti industri berorientasikan dalam negeri yang lebih perlahan (70%, S2 2015: 71%), dalam keadaan penggunaan kapasiti industri berorientasikan eksport yang mampan (80%; S2 2015: 80%).

Pertumbuhan **sektor pembinaan** meningkat kepada 9.9% pada suku ketiga (S2 2015: 5.6%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih cepat dalam subsektor kejuruteraan awam dan aktiviti pembinaan yang khusus. Dalam subsektor kejuruteraan awam, pertumbuhan yang lebih cepat didorong oleh projek petrokimia dan projek berkaitan pengangkutan, manakala aktiviti untuk kerja tanah, kerja pembersihan tanah dan kerja tebus guna tanah yang lebih giat menyokong pertumbuhan dalam subsektor aktiviti pembinaan yang khusus. Dalam subsektor bukan kediaman, pertumbuhan terus disokong oleh projek-projek perindustrian dan komersial besar yang sedang dilaksanakan, manakala pembinaan dalam segmen perumahan mewah di Lembah Klang dan Johor menyokong pertumbuhan dalam subsektor kediaman.

**Sektor pertanian** menjadi sederhana kepada 2.4% (S2 2015: 4.6%), disebabkan pengeluaran minyak sawit yang perlahan. Sementara itu, **sektor perlombongan** terus berkembang 5.3% (S2 2015: 6.0%) disebabkan pengeluaran minyak mentah yang sederhana.

### Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

| | 2014 | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Nilai kerja pembinaan yang siap | 10.7 | 9.7 | 15.1 | 8.2 | 14.0 |
| Kediaman | 21.5 | 18.3 | 19.5 | 7.8 | 8.3 |
| Bukan kediaman | 10.9 | 23.5 | 24.3 | 15.5 | 13.9 |
| Kejuruteraan awam | 2.2 | -8.0 | 4.2 | 1.5 | 19.0 |
| Pertukangan khas[1] | 7.4 | 7.7 | 4.2 | 7.4 | 17.5 |
| Kelulusan perumahan | -3.6 | 8.0 | -24.2 | -16.0 | -44.5 |
| Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan | | | | | |
| Simen hidraulik | 7.8 | 9.9 | 20.2 | 12.8 | 14.7 |
| Bahan lain daripada artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l | 25.9 | 27.3 | 20.9 | 4.9 | 8.4 |
| Produk porselin dan seramik lain | 20.7 | 29.6 | 31.2 | 21.6 | 17.1 |
| Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan | 2.6 | -13.3 | -13.3 | -6.4 | -8.2 |
| Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar) | -1.3 | 7.7 | 11.3 | -2.8 | 8.6 |
| Pinjaman untuk sektor pembinaan | | | | | |
| Kelulusan | 25.9 | 24.9 | 21.4 | 46.0 | -24.0 |
| Pengeluaran | 4.8 | 17.8 | 3.2 | 5.7 | 5.4 |

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

### Prestasi Sektor Pertanian

| | Bahagian 2014 (%) | 2014 | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| **Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)** | **100** | **3.4** | **-3.7** | **-4.7** | **4.6** | **2.4** |
| **Tanaman Industri** | **62.7** | **1.9** | **-8.4** | **-11.0** | **6.2** | **3.5** |
| *Antaranya:* | | | | | | |
| Kelapa Sawit | 47.9 | 5.2 | -8.0 | -11.7 | 10.4 | 4.1 |
| Getah | 6.9 | -24.1 | -25.5 | 5.0 | -5.2 | 5.3 |
| **Tanaman Makanan** | **37.3** | **7.5** | **6.5** | **4.0** | **2.4** | **0.8** |
| *Antaranya:* | | | | | | |
| Perikanan | 8.6 | 2.8 | 2.2 | 4.4 | -0.1 | -3.2 |
| Ternakan | 10.8 | 8.0 | 8.8 | 4.3 | 3.1 | 2.0 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Prestasi Sektor Perlombongan

| | Bahagian 2014 (%) | 2014 | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| **Nilai ditambah (pada harga malar 2010)** | **100** | **1.4** | **9.5** | **9.6** | **6.0** | **5.3** |
| **Pengeluaran** | | | | | | |
| *antaranya:* | | | | | | |
| Minyak mentah dan kondensat | - | 3.1 | 16.2 | 20.4 | 14.4 | 8.3 |
| Gas asli | - | -1.0 | 3.1 | -1.2 | -2.7 | 1.3 |

Sumber:Jabatan Perangkaan Malaysia

## Inflasi meningkat pada suku ketiga

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.0% pada suku ketiga tahun 2015 (S2 2015: 2.2%), sebahagian besarnya mencerminkan kenaikan harga dalam kategori *makanan dan minuman bukan beralkohol* yang berpunca daripada kekurangan bekalan ekoran keadaan cuaca yang buruk. Kategori *pengangkutan* turut menyumbang kepada peningkatan inflasi berikutan kenaikan harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi pada suku ketiga.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus menurun pada asas tahunan pada suku ketiga (S3 2015: -5.4% ; S2 2015: -6.1%), didorong terutamanya oleh harga yang lebih rendah bagi kategori *bahan api galian dan pelincir* serta *minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran,* yang mencerminkan keadaan harga komoditi global yang rendah. Sejajar dengan itu, harga komponen berkaitan komoditi terus merosot 18.1% (S2 2015: -19.1%). Sementara itu, harga komponen bukan berkaitan komoditi meningkat 1.7% pada suku ketiga (S2 2015: 1.4%).

## Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja pada amnya kekal stabil pada suku ketiga[1]. Kadar pengangguran meningkat dengan lebih tinggi kepada 3.2% (S2 2015: 3.1%), manakala kadar penyertaan tenaga kerja kekal pada 67.6% (S2 2015: 67.6%).

Jumlah pemberhentian pekerja (terdiri daripada pemberhentian pekerja secara bukan sukarela dan skim pemisahan sukarela) yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia berjumlah 3,273 orang (S2 2015: 3,688 orang). Walau bagaimanapun, permintaan terhadap pekerja kekal kukuh, seperti yang dicerminkan oleh 62,131 iklan pekerjaan baharu yang disiarkan dalam Jobstreet.com (S2 2015 adalah lebih tinggi daripada purata, iaitu 70,434 jawatan). Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh permintaan terhadap pekerja yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan.

**Penunjuk Pasaran Pekerja**




[a] Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Indeks Harga Pengguna**

| Kategori | Wajaran (%) (2010=100) | S2 2015 | S3 2015 |
|---|---|---|---|
| | | Pertumbuhan tahunan, % | |
| **Jumlah** | **100.0** | **2.2** | **3.0** |
| Makanan dan minuman bukan beralkohol | 30.3 | 3.3 | 4.1 |
| Perumahan, air,elektrik, gas dan bahan api lain | 22.6 | 2.5 | 2.6 |
| Pengangkutan | 14.9 | -3.6 | -1.1 |
| Lain-lain | 32.2 | 3.6 | 4.1 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[1]Berdasarkan data awal

Pertumbuhan upah, seperti yang dicerminkan oleh upah purata sektor perkilangan, adalah lebih kukuh pada suku ketiga, iaitu 5.8% (S2 2015: 4.8%), disokong oleh upah yang lebih tinggi dalam sektor berorientasikan eksport.

## Kedudukan luaran kekal berdaya tahan pada suku ketiga

Lebihan **akaun semasa** berkurang kepada RM5.1 bilion bersamaan dengan 1.8% daripada PNK pada S3 2015 (S2 2015: RM7.6 bilion atau 2.7% daripada PNK), disebabkan terutamanya oleh defisit yang lebih besar dalam akaun pendapatan primer dan akaun perkhidmatan meskipun lebihan barangan adalah lebih tinggi.

Pada suku ketiga 2015, eksport kasar kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 5.5% (S2 2015: -3.7%), disokong terutamanya oleh peningkatan menyeluruh eksport perkilangan dalam keadaan kemerosotan lebih kecil eksport komoditi. Import kasar pula meningkat 2.9% (S2 2015: -5.2%), mencerminkan prestasi yang lebih baik dalam kebanyakan kategori import utama. Dengan peningkatan eksport mengatasi import, lebihan dagangan adalah lebih tinggi pada RM22.2 bilion (S2 2015: RM20.4 bilion).

Pertumbuhan eksport perkilangan didorong sebahagian besarnya oleh peningkatan lebih kukuh eksport keluaran elektrik dan elektronik (E&E) serta keluaran perkilangan bukan berasaskan sumber. Pertumbuhan eksport E&E disokong khususnya oleh permintaan yang lebih tinggi, terutamanya terhadap separa konduktor serta peralatan dan komponen elektronik dari AS dan China.

Eksport perkilangan bukan berasaskan sumber, khususnya jentera dan kelengkapan serta keluaran logam, juga berkembang pada kadar yang lebih cepat. Kemerosotan lebih kecil eksport perkilangan berasaskan sumber turut menyokong eksport. Sementara itu, penguncupan lebih kecil eksport komoditi disebabkan oleh harga komoditi utama yang lebih baik dalam keadaan peningkatan permintaan terhadap semua komoditi, kecuali minyak sawit mentah.

Dari segi destinasi, terdapat peningkatan yang menyeluruh bagi eksport ke negara rakan perdagangan utama. Yang nyata, eksport ke AS dan China mencatat pertumbuhan dua angka yang kukuh, mencerminkan terutamanya permintaan lebih tinggi terhadap barangan perkilangan, khususnya keluaran E&E. Eksport ke rantau ini, termasuk ASEAN, juga bertambah baik pada suku ketiga.

### Imbangan Pembayaran[1]

| | 2014 | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | RM bilion | | | | |
| **Akaun Semasa** | **7.1** | **5.7** | **10.0** | **7.6** | **5.1** |
| *(% daripada PNK)* | *2.7* | *2.1* | *3.7* | *2.7* | *1.8* |
| Barangan | 25.5 | 29.4 | 27.5 | 23.3 | 27.1 |
| Perkhidmatan | -3.6 | -5.5 | -3.8 | -4.6 | -5.9 |
| Pendapatan primer | -9.6 | -13.2 | -8.5 | -5.1 | -10.3 |
| Pendapatan sekunder | -5.2 | -5.0 | -5.3 | -6.0 | -5.9 |
| **Akaun Kewangan** | **-5.8** | **-26.6** | **-29.7** | **2.3** | **-31.2** |
| Pelaburan langsung | 2.3 | -2.5 | -1.2 | -3.9 | -0.3 |
| *Aset* | *-6.1* | *-9.9* | *-9.8* | *-17.8* | *-7.0* |
| *Liabiliti* | *8.3* | *7.5* | *8.6* | *13.9* | *6.7* |
| Pelaburan portfolio | -11.2 | -20.3 | -7.9 | -11.8 | -24.4 |
| *Aset* | *-10.4* | *0.3* | *-7.4* | *-8.1* | *0.6* |
| *Liabiliti* | *-0.7* | *-20.6* | *-0.5* | *-3.7* | *-25.0* |
| Derivatif kewangan | 0.0 | 0.2 | 0.0 | -0.4 | -0.1 |
| Pelaburan lain | 3.0 | -4.0 | -20.6 | 18.4 | -6.4 |
| Kesilapan dan ketinggalan[2] | -8.0 | 9.1 | 4.0 | -0.3 | 43.1 |
| **Imbangan Keseluruhan** | **-6.7** | **-11.5** | **-15.7** | **8.5** | **17.0** |

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Akaun Perdagangan

| | Bahagian 2014 (%) | 2014 | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| **Eksport Kasar** | **100.0** | **1.5** | **0.2** | **-2.5** | **-3.7** | **5.5** |
| Perkilangan | 76.7 | 1.9 | 1.8 | 0.2 | 2.3 | 10.8 |
| *E&E* | *33.5* | *2.6* | *5.5* | *6.8* | *3.1* | *14.2* |
| *Bukan E&E* | *43.2* | *1.3* | *-0.9* | *-4.7* | *1.6* | *8.1* |
| *Berasaskan sumber* | *23.6* | *2.1* | *-4.5* | *-12.2* | *-5.5* | *-0.5* |
| *Bukan berasaskan sumber* | *19.6* | *0.3* | *3.6* | *4.7* | *9.8* | *18.6* |
| Komoditi | 22.6 | 0.3 | -5.0 | -10.6 | -23.0 | -12.8 |
| *Mineral* | *13.6* | *-2.5* | *-2.4* | *-7.2* | *-36.0* | *-24.8* |
| *Pertanian* | *9.0* | *4.3* | *-8.8* | *-15.9* | *-2.7* | *3.4* |
| **Import Kasar** | **100.0** | **2.6** | **4.6** | **0.2** | **-5.2** | **2.9** |
| Barangan pengantara | 59.8 | 11.0 | 12.2 | 3.0 | -4.6 | -5.4 |
| Barangan modal | 14.0 | -10.1 | -0.2 | 8.7 | -12.5 | 4.9 |
| Barangan penggunaan | 7.4 | -1.0 | 3.0 | 4.4 | 25.4 | 27.2 |
| Eksport semula dan barangan dua kegunaan | 18.8 | -10.5 | -11.6 | -15.0 | -12.9 | 20.6 |
| **Imbangan perdagangan (RM bilion)** | **–** | **16.8** | **21.0** | **21.3** | **20.4** | **22.2** |

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Import kasar kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan yang positif pada suku ketiga 2015. Import barangan modal, kecuali kelengkapan pengangkutan, yang lebih tinggi serta penurunan lebih kecil dalam import kelengkapan pengangkutan menyokong pertumbuhan import modal. Pertumbuhan import penggunaan kekal kukuh disebabkan oleh peningkatan import makanan dan minuman serta barangan pengguna tahan lama dan tidak tahan lama. Import untuk aktiviti eksport semula meningkat pada suku ketiga lantas memberikan sokongan kepada peningkatan import kasar. Sementara itu, import barangan pengantara lebih rendah disebabkan terutamanya oleh penurunan import bagi input berkaitan bahan bakar, dan input untuk pengeluaran perkilangan dalam keadaan terdapat kemungkinan ambilan inventori.

Defisit akaun **perkhidmatan** lebih besar pada RM5.9 bilion (S2 2015: -RM4.6 bilion), ekoran lebihan perjalanan yang lebih rendah dalam keadaan perjalanan ke luar negeri yang meningkat untuk tujuan pendidikan dan menunaikan haji. Pembayaran untuk pengangkutan dan perkhidmatan lain juga lebih besar selaras dengan peningkatan dalam aktiviti berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan.

Defisit akaun **pendapatan primer** meningkat kepada –RM10.3 bilion (S2 2015: -RM5.1 bilion), mencerminkan terutamanya pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri yang lebih rendah, khususnya dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan. Pendapatan pelaburan terakru kepada pelabur langsung asing kekal besar pada S3 2015, khususnya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sementara itu, pembayaran bersih dalam akaun **pendapatan sekunder** (-RM5.9 bilion; S2 2015: -RM6.0 bilion), pada amnya mampan.

**Akaun kewangan** mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM31.2 bilion (S2 2015: +RM2.3 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih dalam akaun pelaburan portfolio.

**Pelaburan langsung** mencatat aliran keluar bersih yang kecil sebanyak RM0.3 bilion (S2 2015: -RM3.9 bilion), apabila pengumpulan aset pelaburan langsung mengimbangi sedikit penambahan liabiliti pelaburan langsung.

Dari segi aset, pelaburan langsung keluar menurun kepada RM7.0 bilion (S2 2015: -RM17.8 bilion). Daripada jumlah ini, **Pelaburan Langsung Luar Negeri** (Direct Investment Abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia adalah sebanyak RM5.0 bilion (S2 2015: -RM16.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh pemberian pinjaman antara syarikat yang lebih rendah dalam keadaan suntikan modal ekuiti yang berterusan kepada subsidiari di luar negeri. Pada suku ketiga, sejumlah besar DIA disalurkan terutamanya kepada sektor perlombongan, manakala pelaburan dalam sektor perkhidmatan dilakukan terutamanya oleh syarikat

**Malaysia: Destinasi Eksport**

| | Bahagian 2014 (%) | 2014 | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| **Amerika Syarikat** | **8.4** | **9.0** | **16.9** | **14.9** | **4.0** | **20.3** |
| **Kesatuan Eropah (EU)** | **9.5** | **5.5** | **7.9** | **1.7** | **4.4** | **13.8** |
| **Jepun** | **10.8** | **-3.8** | **0.8** | **-2.8** | **-26.6** | **-7.4** |
| **Negara ASEAN terpilih[1]** | **27.4** | **1.8** | **5.0** | **-2.3** | **-1.0** | **5.5** |
| **Timur Laut Asia** | **23.8** | **-6.0** | **-9.2** | **-7.1** | **2.1** | **9.9** |
| *Republik Rakyat China* | *12.1* | *-15.1* | *-15.6* | *-12.3* | *17.1* | *25.7* |
| *Hong Kong SAR* | *4.8* | *11.9* | *-3.9* | *7.2* | *-8.0* | *-0.9* |
| *Korea* | *3.7* | *0.6* | *0.6* | *-9.5* | *-14.9* | *-4.4* |
| *China Taipei* | *3.2* | *1.2* | *1.9* | *-3.6* | *-16.2* | *-14.1* |
| **West Asia[2]** | **3.0** | **-9.5** | **-2.8** | **-8.0** | **-10.1** | **5.5** |
| **India** | **4.2** | **51.6** | **16.0** | **12.1** | **-2.9** | **-14.4** |
| **Jumlah eksport** | **100.0** | **1.5** | **0.2** | **-2.5** | **-3.7** | **5.5** |

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pemegangan pelaburan dalam subsektor kewangan dan insurans serta harta tanah.

Dari segi liabiliti, pelaburan langsung masuk juga menurun kepada RM6.7 bilion (S2 2015: +RM13.9 bilion). Daripada jumlah ini, **Pelaburan Langsung Asing** (Foreign Direct Investment, FDI) berjumlah RM4.7 bilion (S2 2015: RM12.5 bilion), terutamanya disebabkan oleh suntikan modal ekuiti yang lebih rendah oleh syarikat multinasional dalam operasi mereka di Malaysia, manakala perolehan tertahan untuk tujuan pelaburan semula adalah mampan. Aliran FDI pada suku ketiga sebahagian besarnya adalah dalam sektor perkilangan, khususnya industri elektrik dan elektronik serta industri berkaitan petrokimia, dan sebahagian kecilnya adalah dalam sektor perlombongan.

Akaun **pelaburan portfolio** mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM24.4 bilion (S2 2015: -RM11.8 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin (S3 2015: -RM25.0 bilion; S2 2015: -RM3.7 bilion). Pada suku tersebut, bukan pemastautin melupuskan pemegangan sekuriti ekuiti mereka, manakala aliran keluar berkaitan dengan sekuriti hutang mencerminkan terutamanya kematangan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) serta beberapa bon korporat dalam denominasi mata wang asing yang diterbitkan oleh perusahaan awam. Pelaburan portfolio oleh pemastautin mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM0.6 bilion, apabila institusi kewangan domestik dan syarikat menebus pemegangan sekuriti hutang mata wang asing luar pesisir dalam keadaan pelaburan sekuriti ekuiti di luar negeri oleh pengurus dana domestik yang lebih rendah.

Akaun **pelaburan lain** mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM6.4 bilion (S2 2015: +RM18.4 bilion), apabila aliran keluar bersih sektor perbankan dan sektor swasta bukan bank lebih daripada mengimbangi aliran masuk bersih dalam sektor awam. Dalam sektor perbankan, aliran keluar bersih mencerminkan terutamanya pemberian pinjaman oleh bank-bank Malaysia kepada institusi kewangan asing di luar negeri serta kematangan deposit institusi kewangan bukan pemastautin dalam sistem perbankan domestik. Dalam sektor swasta bukan bank, aliran keluar bersih disebabkan terutamanya oleh pemberian kredit perdagangan bersih oleh pengeksport Malaysia kepada rakan perdagangan mereka dan pembayaran balik pinjaman luar. Sementara itu, aliran masuk bersih dalam sektor awam disebabkan terutamanya oleh ambilan peminjaman luar negeri oleh perusahaan awam.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM17.0 bilion pada suku ketiga (S2 2015: +RM8.5 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (E&O) berjumlah RM43.1 bilion atau 11.4% daripada jumlah perdagangan, yang sebahagian besarnya mencerminkan perubahan penilaian semula pertukaran asing dalam rizab antarabangsa berjumlah kira-kira RM50 bilion, ekoran penyusutan nilai ringgit yang ketara.

## Hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri[2] Malaysia berjumlah RM852.9 bilion bersamaan dengan USD189.9 bilion atau 73.4% daripada KDNK pada akhir bulan September 2015 (akhir bulan Jun: RM794.3 bilion atau USD208.4 bilion, bersamaan dengan 68.4% daripada KDNK). Peningkatan hutang luar negeri mencerminkan terutamanya kesan penilaian daripada penyusutan nilai ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dan utama. Lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri adalah hutang jangka sederhana dan jangka panjang (56.3%). Dari segi mata wang, kira-kira 35% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit, terutamanya dalam bentuk deposit dan pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin.

[2] Ini merujuk kepada hutang luar negeri yang didefinisikan semula, yang berkuat kuasa pada suku pertama 2014. Selain peminjaman luar pesisir yang dimasukkan dalam definisi sebelum ini, hutang luar negeri yang didefinisikan semula juga meliputi pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dengan sistem perbankan serta liabiliti hutang lain kepada bukan pemastautin. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Ekonomi Malaysia pada Suku Pertama 2014.

Penyusutan nilai ringgit memberikan kesan terutamanya terhadap peminjaman luar pesisir, yang meningkat 16.7% kepada RM489.9 bilion pada akhir bulan September 2015 (akhir bulan Jun: RM419.9 bilion). Namun begitu, kesan perubahan penilaian kadar pertukaran terhadap peminjaman luar pesisir adalah terurus memandangkan peminjaman oleh syarikat, iaitu perusahaan awam dan syarikat swasta bukan bank, sebahagian besarnya dilindung nilai, sama ada secara lazim menerusi pendapatan mata wang asing, atau melalui penggunaan instrumen kewangan. Kira-kira dua pertiga daripada peminjaman syarikat swasta bukan bank merupakan pinjaman antara syarikat dengan terma yang fleksibel dan mudah. Pada akhir bulan September, peminjaman luar pesisir kekal rendah pada 42.2% daripada KDNK berbanding 60% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC) pada tahun 1997-98. Yang penting, peminjaman luar pesisir oleh syarikat menurun kepada 20.3% daripada KDNK berbanding 47.1% daripada KDNK semasa AFC.

Tidak termasuk perubahan penilaian semula pertukaran asing, peminjaman luar pesisir meningkat sedikit pada kadar 0.6%. Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh terbitan sekuriti hutang mata wang asing dan ambilan pinjaman jangka panjang oleh bank sebagai sebahagian daripada usaha mereka untuk mempelbagaikan struktur kematangan pendanaan mereka. Peminjaman antara bank juga meningkat pada akhir bulan September. Namun begitu, peminjaman luar pesisir yang lebih tinggi oleh sektor perbankan diimbangi sebahagian besarnya oleh pembayaran balik bersih sektor awam ekoran penebusan besar beberapa sekuriti hutang yang matang pada suku ketiga oleh perusahaan awam.

Deposit bukan pemastautin merosot 13.5% kepada RM82.8 bilion pada akhir bulan September 2015 (akhir bulan Jun: RM95.7 bilion). Penurunan ini sebahagian besarnya mencerminkan deposit yang ditempatkan di institusi perbankan domestik yang matang pada suku tersebut. Sementara itu, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin juga merosot kepada

**Hutang Luar Negeri Terkumpul**

| | 2014 | 2015 | |
|---|---|---|---|
| | akhir Sept | akhir Jun | akhir Sept |
| | RM bilion | | |
| Peminjaman luar pesisir[1] | 351.3 | 419.9 | 489.9 |
| *Bersamaan dengan USD bilion* | *106.2* | *110.1* | *109.1* |
| *Jangka sederhana dan panjang* | *199.5* | *256.2* | *295.7* |
| Sektor awam | 89.1 | 119.4 | 135.3 |
| Sektor swasta | 110.4 | 136.8 | 160.4 |
| *Jangka pendek* | *151.8* | *163.6* | *194.3* |
| Pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik | 247.0 | 209.2 | 198.9 |
| *Jangka sederhana dan panjang* | *167.6* | *186.4* | *171.7* |
| *Jangka pendek* | *79.4* | *22.8* | *27.2* |
| Deposit bukan pemastautin | 80.5 | 95.7 | 82.8 |
| Lain-lain[2] | 65.5 | 69.5 | 81.2 |
| *Jangka sederhana dan panjang* | *10.1* | *11.0* | *12.5* |
| *Jangka pendek* | *55.4* | *58.5* | *68.7* |
| **Jumlah hutang luar negeri** | **744.3** | **794.3** | **852.9** |
| *Bersamaan dengan USD bilion* | *225.0* | *208.4* | *189.9* |
| **Hutang Luar Negeri (Definisi semula)** | | | |
| Jumlah hutang/KDNK (%) | 67.3 | 68.4 | 73.4 |
| Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%) | 49.3 | 42.9 | 43.7 |
| Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali) | 1.1 | 1.2 | 1.1[5] |
| **Hutang Luar Negeri (Definisi terdahulu)** | | | |
| Jumlah hutang/KDNK (%) | 31.7 | 36.2 | 42.2 |
| Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%) | 43.2 | 39.0 | 39.6 |
| Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali) | 2.7 | 2.4 | 2.2[5] |

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terdiri terutamanya daripada hutang mata wang asing diperoleh, serta bon dan nota terbitan luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Peminjaman luar pesisir jangka pendek, pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik jangka pendek, deposit bukan permastautin dan hutang jangka pendek lain.
[4] Bersamaan dengan peminjaman luar pesisir jangka pendek.
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 30 Oktober 2015.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

RM198.9 bilion (akhir bulan Jun: RM209.2 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh kematangan dan selanjutnya pelupusan MGS yang dipegang oleh bukan pemastautin. Namun begitu, sebahagian hasil daripada pelupusan ini dilaburkan semula dalam Nota Monetari Bank Negara dan bil Perbendaharaan lantas menambah pemegangan instrumen-instrumen ini oleh bukan pemastautin pada akhir bulan September.

Bahagian hutang luar negeri jangka pendek daripada jumlah hutang luar negeri meningkat sedikit kepada 43.7% (akhir bulan Jun: 42.9%) disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian kadar pertukaran. Hutang luar negeri kekal terurus dengan perlindungan rizab sebanyak 1.1 kali. Kira-kira dua pertiga daripada hutang luar negeri jangka pendek dipegang oleh sektor perbankan, yang bukan memerlukan tuntutan segera terhadap rizab antarabangsa memandangkan hutang ini sebahagiannya ditampung oleh aset luaran bank yang setara.

Sementara itu, sejumlah besar baki hutang luar negeri jangka pendek ialah kredit perdagangan dan pinjaman antara syarikat. Kredit perdagangan sebahagian besarnya disokong oleh perolehan eksport, manakala pinjaman antara syarikat pada amnya dengan terma yang fleksibel dan mudah, seperti tanpa jadual pembayaran balik yang tetap dan kadar faedah yang sama ada sifar atau rendah.

## Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk memenuhi obligasi antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM415.1 bilion (bersamaan dengan USD93.3 bilion) pada 30 September 2015 (akhir bulan Jun: RM398.1 bilion; USD105.5 bilion). Dengan mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing, paras rizab ini dalam nilai ringgit telah meningkat disebabkan oleh penyusutan nilai ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dan utama dalam tempoh ini. Namun, mencerminkan komposisi aset rizab yang terdiri daripada pelbagai mata wang asing, paras rizab dalam nilai USD telah menyusut nilai berikutan pengukuhan nilai USD berbanding dengan kebanyakan mata wang pada suku tersebut.

**Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)**




Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada 30 Oktober 2015, kedudukan rizab berjumlah RM417.9 bilion (bersamaan dengan USD94.0 bilion). Paras rizab antarabangsa ini kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa tanpa gangguan. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.7 bulan import tertangguh, jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa iaitu 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran dengan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek sebanyak 1.1 kali. Yang pentingnya bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan segera terhadap rizab berikutan terdapatnya aset luar negeri dan perolehan eksport peminjam.

## Hasil Kerajaan terus menyokong perbelanjaan

Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan kekal stabil pada 1.6% daripada KDNK pada suku ketiga 2015 (S2 2015: -1.4% daripada KDNK). Hasil Kerajaan kekal sebanyak RM56.3 bilion pada suku tersebut (S2 2015: RM55.3 bilion), disokong oleh kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) yang lebih tinggi. Perbelanjaan mengurus meningkat pada kadar yang lebih perlahan kepada RM52.3 bilion (S2 2015: RM51.8 bilion), terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan untuk subsidi yang lebih rendah. Hasilnya,

**Kewangan Kerajaan Persekutuan**




[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## Kewangan Kerajaan Persekutuan

| | 2014 | | 2015[a] | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | RM bilion | | | | |
| Hasil | 59.1 | 59.6 | 51.5 | 55.3 | 56.3 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *3.8* | *-2.3* | *4.8* | *4.9* | *-4.9* |
| Perbelanjaan mengurus | 52.9 | 59.7 | 55.4 | 51.8 | 52.3 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *-0.9* | *1.6* | *0.4* | *0.2* | *-1.2* |
| **Akaun semasa** | **6.2** | **-0.1** | **-3.9** | **3.4** | **4.0** |
| ***% daripada KDNK*** | ***2.2*** | ***0.0*** | ***-1.4*** | ***1.2*** | ***1.4*** |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 8.1 | 16.4 | 7.9 | 7.3 | 8.7 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *-10.3* | *2.2* | *13.2* | *3.5* | *7.5* |
| **Imbangan keseluruhan** | **-1.9** | **-16.5** | **-11.8** | **-3.8** | **-4.7** |
| ***% daripada KDNK*** | ***-0.7*** | ***-5.7*** | ***-4.2*** | ***-1.4*** | ***-1.6*** |
| ***Memo:*** | | | | | |
| Jumlah perbelanjaan bersih | 61.0 | 76.1 | 63.3 | 59.1 | 61.0 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *-2.2* | *1.7* | *1.8* | *0.6* | *-0.1* |
| Jumlah Hutang Kerajaan Persekutuan | | | | | |
| (pada akhir tempoh) | 569.3 | 582.8 | 596.8 | 627.5 | 623.3 |
| *% daripada KDNK* | *51.4* | *52.7* | *51.4* | *54.0* | *53.7* |
| Hutang dalam negeri | 397.2 | 414.7 | 418.9 | 429.2 | 435.1 |
| *% daripada KDNK* | *35.9* | *37.5* | *36.1* | *37.0* | *37.5* |
| Hutang luar negeri | 172.1 | 168.2 | 177.9 | 198.3 | 188.3 |
| *% daripada KDNK* | *15.6* | *15.2* | *15.3* | *17.1* | *16.2* |
| *Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin* | *156.0* | *151.4* | *160.2* | *179.5* | *166.0* |
| *% daripada KDNK* | *14.1* | *13.7* | *13.8* | *15.5* | *14.3* |
| *Peminjaman luar pesisir* | *16.1* | *16.8* | *17.6* | *18.8* | *22.2* |
| *% daripada KDNK* | *1.5* | *1.5* | *1.5* | *1.6* | *1.9* |

[a] Awalan

Nota: Mulai suku pertama 2015, tahun asas bagi KDNK telah dikemaskinikan kepada tahun 2010 daripada tahun 2005.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

akaun semasa Kerajaan Persekutuan mencatat lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM4 bilion (S2 2015: RM3.4 bilion). Perbelanjaan pembangunan bertambah kepada RM8.7 bilion (S2 2015: RM7.3 bilion), terutamanya untuk sektor perumahan dan pengangkutan. Pada akhir bulan September 2015, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM623.3 bilion atau 53.7% daripada anggaran KDNK tahun 2015.